



**MAJLIS DAERAH TUMPAT**  
JALAN TANJUNG KUALA, 16200 TUMPAT, KELANTAN

**KENYATAAN TAWARAN**

Tawaran sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan Majlis Daerah Tumpat serta masih dibenarkan untuk membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga **Cadangan Membekal Dan Menghantar Tong Sampah** sebagaimana berikut kepada **Majlis Daerah Tumpat Bagi Tahun 2025**.

NOMBOR SEBUTHARGA	KETERANGAN	PENDAFTARAN / KELAYAKAN
MDT.D582(03)739/1/KLT.VIII	<ul style="list-style-type: none"><li>i) Tong sampah kompektor jenis <i>heavy duty plastic with iron/cast iron swivel wheels</i> berkapasiti <b>1500 liter dengan tulisan “MDT” dan “DILARANG MEMBAKAR”</b>.</li><li>ii) Tong sampah kompektor jenis <i>heavy duty plastic with iron/cast iron swivel wheels</i> berkapasiti <b>1100 liter dengan tulisan “MDT” dan “DILARANG MEMBAKAR”</b>.</li><li>iii) Tong sampah kompektor jenis <i>metal</i> berkapasiti <b>1500 liter dengan tulisan “MDT”</b></li><li>iv) Tong sampah kompektor jenis <i>metal</i> berkapasiti <b>1100 liter dengan tulisan “MDT”</b></li><li>v) Tong sampah <b>MGB</b> berkapasiti <b>1100 liter dengan tulisan “MDT” dan “DILARANG MEMBAKAR”</b>.</li><li>vi) Tong sampah <b>MGB</b> berkapasiti <b>660 liter dengan tulisan “MDT” dan “DILARANG MEMBAKAR”</b>.</li><li>vii) Tong sampah beroda (<i>2 Wheel Bin</i>) berkapasiti <b>120 liter dengan tulisan “MDT”</b></li><li>viii) Tong sampah beroda (<i>2 Wheel Bin</i>) berkapasiti <b>240 liter dengan tulisan “MDT”</b>.</li><li>ix) Tong sampah domestic jenis <i>heavy duty plastic</i> berkapasiti <b>60 liter dengan tulisan “MDT”</b>.</li><li>x) Tong sampah domestic jenis <i>heavy duty plastic</i> berkapasiti <b>60 liter dengan tulisan “MDT” bersama sangkar</b>.</li></ul>	<p>Kementerian Kewangan</p> <p>Kod Bidang : 080101</p> <p>Daftar Pemborong dengan Majlis Daerah Tumpat</p>


NOMBOR SEBUTHARGA	KETERANGAN	PENDAFTARAN / KELAYAKAN
MDT.D582(03)739/1/KLT.VIII	xi) Tong Roll on Roll Off (RORO) berukuran <b>12'(L) x 7'(W) x 4'(H)</b> dengan tulisan "MDT". xii) Tong Roll on Roll Off (RORO) berukuran <b>14'(L) x 7'(W) x 4'(H)</b> dengan tulisan "MDT". xiii) Tong Roll on Roll Off (RORO) berukuran <b>12'(L) x 7'(W) x 2'(H)</b> dengan tulisan "MDT". xiv) Tong Kitar Semula dengan <b>platform</b> dan <b>signage</b> berkapasiti 120 liter. xv) Tong Kitar Semula dengan <b>platform</b> dan <b>signage</b> berkapasiti 240 liter.	Kementerian Kewangan  Kod Bidang : 080101  Daftar Pemborong dengan Majlis Daerah Tumpat

2. Dokumen tawaran sebutharga dijual dengan harga RM 50.00 senaskah dan boleh dibeli daripada Bahagian Kebersihan Majlis Daerah Tumpat, Kelantan bermula **03hb November 2024 (Ahad) sehingga 11hb November 2024 (Ahad) pada 9.00 pagi - 3.00 petang.**
3. Semasa mengambil dokumen tawaran, pembekal dikehendaki mengemukakan surat pendaftaran **ASAL** Kementerian Kewangan dengan Kod Bidang Kerja di atas. Satu salinan surat pendaftaran hendaklah dikemukakan untuk simpanan Majlis Daerah Tumpat semasa mengambil dokumen.
4. Seorang penender/syarikat hanya dibenarkan menyertai satu (1) sebut harga sahaja.
5. Dokumen tawaran yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakeri/materi. Jenis tawaran sebutharga dan nombor tawaran hendaklah dinyatakan dimuka sampul surat tersebut dengan terang dan jelas serta di alamatkan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Tumpat, Jalan Tanjung Kuala 16200 Tumpat, Kelantan atau dimasukkan terus ke dalam peti sebutharga yang disediakan di Majlis Daerah Tumpat.
6. Dokumen tawaran hendaklah diserahkan pada atau sebelum **hari Isnin, 18hb November 2024 jam 12.00 tengahari.**
7. Majlis Daerah Tumpat tidak terikat untuk menerima tawaran terendah dari mana-mana tawaran.

Sekian, terima kasih.

**"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"**  
**"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(FIESAL BIN ABDULLAH)**  
Setiausaha  
b.p. Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tumpat

Ruj. Fail : MDT.D582(03)739/1/KLT.VIII  
Bertarikh: 15hb Oktober 2024